

PELAKSANAAN MODEL EKONOMI BARU – SATU PENILAIAN MENURUT KEPERLUAN MAQASID SYARIAH

Fadilah Mat Nor, Latifa M. Hameed

Fakulti Pengurusan dan Muamalah
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
Kajang, 43000 Selangor D.E.,
Malaysia

fadilahmn@kuis.edu.my
mylatifabibi@kuis.edu.my

Abstrak

Objektif utama kertas kerja ini ialah untuk menilai dan menganalisa sejauhmana prinsip-prinsip utama di dalam Model Ekonomi Baru telah dapat memenuhi keperluan maqasid syariah. Perbincangan dijangka dapat menerbitkan satu pandangan yang dapat memberi idea penambahbaikan dan muhasabah tentang peranan maqasid syariah dalam menjadi panduan dan rujukan menentukan sesuatu dasar Negara. Berdasarkan tiga prinsip utama iaitu rakyat berpendapatan tinggi, kemapanaan dan keterangkuman (inklusif), beberapa pendekatan selain dari kandungan MEB telah diketengahkan. Serta dengan beberapa cadangan pembaikan yang dilihat selari dengan objektif dan keperluan maqasid syariah.

Kata Kunci: Maqasid Syariah, Model Ekonomi Baru.

Pengenalan- Latar Belakang Model Ekonomi Baru

Malaysia telah sampai ke saat penentuan dalam landasan pembangunannya. Realiti ekonomi Malaysia yang akan dibincangkan dalam bahagian 2 menunjukkan titik yang memerlukan perubahan landasan tersebut. Bukti kenyataan ini dapat kita perhatikan melalui statistik pendapatan negara dan jumlah penduduk Malaysia berbanding dengan negara lain seperti Korea, Taiwan, China, India dan negara ASEAN lainnya.¹ Disamping menyedari kesukaran mencapai matlamat wawasan 2020 tanpa diwujudkan tranformasi ekonomi dan sosial. Maka, pemerintah telah mencadangkan satu rumus baru ekonomi yang dikenali sebagai model baru ekonomi.² Seperti yang ditunjukkan dalam Rajah A, rumus ini mengandungi empat tonggak bagi mendorong perubahan tersebut. Empat tonggak tersebut yang menjadi pendukung MEB yang telah diketengahkan oleh YAB Perdana Menteri, di mana dua tonggak pertama telah disampaikan sebelum ini iaitu Konsep 1 Malaysia untuk menyatu-padukan rakyat dan yang ke-

¹ Rujuk Lampiran A dan B.

² Pemerintah digunakan sebagai ganti kerajaan, kerana kaedah yang digunakan bahawa parti yang memerintah yang mengemukakan rumus tersebut.

dua ialah RMK10.³ Sementara Model Ekonomi Baru (MEB) yang hendak dicapai melalui Program Transformasi Ekonomi (PTE) merupakan tonggak ketiga yang akan melonjakkan Malaysia kearah status negara maju sejajar dengan matlamat Wawasan 2020.

PTE pula akan dipandu oleh lapan inisiatif Pembaharuan Strategik (IPS) yang akan menjadi asas bagi langkah dasar yang relevan seperti:

1. Menyuburkan kembali sektor swasta untuk menerajui pertumbuhan ekonomi.
2. Membangun tenaga kerja yang berkualiti dan mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing.
3. Mewujudkan ekonomi domestik yang berdaya saing.
4. Memperkukuhkan sektor awam.
5. Melaksanakan tindakan afirmatif yang telus dan mesra pasaran.
6. Membina infrastruktur yang berasaskan pengetahuan.
7. Meningkatkan sumber pertumbuhan.
8. Memastikan pertumbuhan yang mampan.

Cara pelaksanaan model ini terbahagi kepada 2 fasa di mana Fasa 1 bermula selepas pelancaran PTE. Sementara Fasa 2 bermula selepas pembentangan Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10). Dalam perbentangan tersebut tiga prinsip utama bagi MEB telah digariskan sebagai intipati model iaitu **rakyat berpendapatan tinggi, kemapanan dan keterangkuman (inklusif)**. Matlamat MEB dapat digambarkan seperti Rajah 1.

Rajah 1: Matlamat dan Ciri Model Ekonomi Baru



Sumber: Majlis Penasihat Ekonomi Negara

Realiti Ekonomi Malaysia

Wajar untuk kita melihat sedikit latar belakang realiti ekonomi di Malaysia yang membawa kepada relevannya sebuah model ekonomi yang baru seperti MEB yang dicadangkan. Dasar

³ Konsep 1Malaysia bukannya dikembangkan melalui prinsip rukunegara iaitu Kepercayaan kepada Tuhan. Kepercayaan ini harus dikaitkan dengan 1Tuhan (*oneness of God*)

keterbukaan ekonomi negara sememangnya banyak memberi kredit bagi untuk pertumbuhan ekonomi Negara. Namun sebagai sebuah Negara yang kecil dan terbuka tempas kejutan luar juga menguji kekentalan ekonomi Negara kita.⁴ Contohnya kenaikan harga komoditi antarabangsa seperti bahan api dan makanan telah memberi kesan langsung terhadap harga domestik. Begitu juga prestasi ekonomi Malaysia yang dilihat bergerak perlahan ekoran krisis kewangan asia pada tahun 1997-1998. Sejak krisis ini, pelaburan agregat sebagai peratusan KDNK terus menerus merosot dengan pelaburan swasta yang kekal lembap.

Ekspor Negara dilihat masih teguh tetapi tidak dapat menjanakan nilai tambah yang mencukupi. Bermakna kita sangat bergantung pada pasaran luar disamping struktur eksport Negara yang banyak tertumpu dalam bidang elektrik dan elektronik (E&E) dan pada komoditi utama seperti kelapa sawit dan petroleum. Dari sudut tenaga kerja pula, pekerjaan berkemahiran rendah merujuk kepada upah benar yang rendah dan isunya pada realiti ekonomi Malaysia ialah kita masih kekurangan tenaga kerja mahir di mana 80% tenaga kerja hanya berkelulusan SPM serta kebergantungan kita kepada pekerja asing. Antara yang menkhawatirkan juga ialah situasi modal insan Negara yang semakin kritikal di mana kadar penghijrahan keluar tenaga mahir adalah semakin meningkat dengan pantas. Selain ketidaksiharian antara sistem pendidikan kita dengan keperluan pasaran kerja menyumbangkan kearah kurangnya bilangan ekspatriat.

Ekoran itu, Malaysia juga menghadapi produktiviti yang rendah akibat kekurangan kreativiti dan inovasi di dalam R&D. Antara perkara lain yang penting juga ialah masalah jurang pendapatan yang semakin tinggi antara golongan kaya dan miskin. Walaupun Dasar Ekonomi Baru (DEB) berjaya menurunkan kadar kemiskinan kepada 3.6% pada tahun 2007,⁵ namun ketaksamaan kekal menjadi cabaran bagi Malaysia. Situasi kritikal ini digambarkan oleh kajian bahawa pendapatan isirumah masih dibawah RM1500 sebulan pada tahun 2008. Sementara ekonomi Asia Timur dilihat menunjukkan pertumbuhan positif tetapi sebaliknya Malaysia lembap berterusan yang memeritkan.

Realiti pencapaian DEB juga telah menunjukkan dasar ekonomi berasaskan etnik dilihat berkesan dalam mengurangkan jurang antara etnik dari sudut ekonomi. Namun tidak dinafikan juga terdapat masalah dari sudut pelaksanaan, antaranya peningkatan kos menjalankan perniagaan yang disebabkan oleh merentir (*rent-seeking*), kuasa naungan (*patronage*) dan proses perolehan kerajaan yang tidak telus seperti masalah rasuah dan kes-kes salah laku yang melibatkan pegawai kerajaan. Beralih kepada isu penentuan harga yang banyak dikawal oleh subsidi mengakibatkan berlakunya penyalahgunaan sumber. Pada masa yang sama perbelanjaan kerajaan yang besar ke atas subsidi yang kebanyakannya dibiayai oleh hasil petroleum tidak dapat diteruskan lagi. Terdapat juga isu subsidi yang juga dinikmati oleh golongan kaya sedangkan tujuan subsidi bertujuan untuk membantu golongan berpendapatan rendah.

Rajah B menerangkan korelevan MEB telah digariskan selaras dengan ciri-ciri yang sepatutnya dipenuhi Malaysia pada tahun 2020. Melihat keterkaitan ini MEB dengan dasar makroekonomi ekonomi lain, maka pemerintah MEB harus diketengahkan dengan diberi beberapa aspek sosial yang baik seperti tahap kesihatan dan pendidikan yang teratur, namun membasmi kemiskinan masih dianggap isu yang penting - terutamanya ekonomi negara yang terperangkap dalam perangkap pendapatan sederhana. Ini disebabkan keraguan tentang keupayaan dasar makroekonomi masa kini yang dianggap statik dan tidak mampu untuk terus

⁴ Semenjak dunia mengalami "great depression" pada 1929, ekonomi dunia telah mengalami sebanyak 365 krisis hingga kini, dan yang terbaharu ialah krisis sub-prima 2008 di Amerika Syarikat.

⁵ Kementerian Kewangan, Laporan Ekonomi 2008.

melonjak ekonomi hadapan. Juga pertumbuhan ekonomi, kita telah mengakibatkan kesan dan kos alam sekitar yang besar dan tidak memanfaatkan semua lapisan masyarakat

Berdasarkan kekangan dan cabaran tersebut, maka di ketengahkan MEB bagi meletakkan semula ekonomi Malaysia di landasan yang sewajarnya. Justeru penulisan ini adalah berobjektif untuk mengaitkan dan menganalisa sejauhmana prinsip-prinsip utama di dalam Model Ekonomi Baru dapat memenuhi keperluan maqasid syariah. Perbincangan dijangka dapat menerbitkan satu pandangan yang dapat memberi idea tentang peranan maqasid syariah dalam menjadi panduan menentukan sesuatu dasar Negara. Justeru adalah penting untuk dibincangkan terlebih dahulu tentang sedikit latar belakang ilmu Maqasid syariah dan seterusnya kaitan realiti MEB terhadap keperluan Maqasid Syariah.

Maqasid Syariah

Setiap daripada penciptaan Allah terdapat hikmah dan tujuannya dan adalah mustahil bagi Allah menjadikan sesuatu perkara tanpa arah tujuan dan matlamatnya. Suatu hakikat yang perlu difahami dan diyakini manusia ialah penciptaan tersebut adalah bertujuan untuk kebaikan dan kemaslahatan manusia. Bagi memahami hikmah ini manusia diperintahkan untuk mentadabbur dan bertafakur melihat hikmah disebalik sebarang penciptaan yang ditunjukkan kepadanya. Hal ini sememangnya mempunyai kaitan dengan tujuan kejadian manusia seperti yang diterangkan dalam firman Allah SWT yang maksudnya:

Dia telah menciptakan kamu dari bumi (tanah) dan menjadikan kamu sebagai pemakmurnya. (Hud: 61)

Allah SWT telah membantu manusia untuk melaksanakan tanggungjawab tersebut dengan menurunkan syariatnya yang kita kenali sebagai maqasid syaria'h. Maqasid syariah adalah tujuan yang dikehendaki oleh Allah SWT dalam setiap hukum atau sebahagian besar daripadanya. Sesungguhnya Allah SWT apabila mensyariatkan hukum, sebenarnya adalah bertujuan memelihara kemaslahatan manusia dengan membuka ruang-ruang manfaat kepada mereka dan mengangkat kemudharatan. Ilmu Maqasid Al-Syariah adalah merupakan satu cabang ilmu yang masih belum difahami dengan jelas oleh masyarakat kita di Malaysia walaupun ia telah lama dibincangkan oleh para ulama' dalam kitab-kitab fiqh dan usul-fiqh. Malah istilah Maqasid al-Syariah ini juga masih kurang diberi penekanan oleh ramai ahli cendekiawan Islam sendiri.

Pada hakikatnya, ia telah diaplikasikan dalam pelbagai sudut kehidupan terutamanya yang melibatkan hal ehwal kemasyarakatan, kewangan dan pentadbiran. Bagi mereka yang mengenali dan memahami Maqasid Syariah pasti tidak akan meragukannya sebagai solusi kepada banyak permasalahan malah juga akan memperlihatkan kebenaran janji Allah SWT yang bermaksud:

Dan Dia sekali-kali tidak menjadikan untuk kamu dalam agama suatu kesempitan (Al-Haj: 78)

Firman Allah swt yang bermaksud: Allah menghendaki kemudahan bagimu, dan tidak menghendaki kesukaran bagimu.(Al Baqarah:185)

Dalam menghadapi dan menyelesaikan persoalan- persoalan semasa juga tidak kira samada yang menyentuh aspek sosial, ekonomi, politik mahupun perundangan Islam secara

menyeluruh, ilmu Maqasid Al-Syariah merupakan satu elemen penting yang mesti dihadamkan oleh bukan saja para cendekiawan, ulama' mahupun hukkam malah ahli akedemik, pengamal kerajaan serta orang awam juga wajar mempunyai ilmu mengenainya. Objektif disebalik penurunan atau penetapan syariah dapat dilihat sendiri menerusi dua sumber utama kepada umat Islam iaitu al-Quran dan hadis. Dengan bertitik tolak dari firman Allah SWT yang menjelaskan motif kebangkitan junjungan besar Nabi Muhammad SAW melalui firman-Nya:

Dan tidak Kami utuskanmu (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam. (al-Anbiya': 107)

Maka adalah tidak disangkal lagi bahawa perkataan '*rahmat*' itu bermaksud kebaikan, kemaslahatan dan keharmonian. Justeru jika kita memerhatikan kejadian alam ini, semuanya dicipta untuk kemudahan dan kepentingan hidup manusia. Begitu juga hukum-hakam syariah. Maqasid syariah juga dapat dijejaki menerusi ayat-ayat al-Quran. Kita akan mendapati bahawa setiap suruhan dan perintah Allah SWT pastinya akan diakhiri dengan penerangan tentang masalah (kebaikan) yang akan diperolehi oleh mereka yang melaksanakannya. Begitu juga ayat-ayat yang menyentuh tentang larangan. Biasanya, ia akan diakhiri dengan peringatan tentang *mafsadah* (keburukan) yang akan menimpa mereka yang melakukannya. Umapanya ayat berkaitan solat⁶, puasa⁷ dan undang-undang⁸

Maqasid syariah secara umumnya terbahagi kepada tiga bahagian. Pertama, *dharuriyyat*. Ia adalah perkara-perkara yang termasuk dalam keperluan asasi yang mesti dipenuhi oleh setiap individu. Ia adalah kemaslahatan yang perlu dipenuhi untuk mendirikan kemaslahatan agama dan dunia. Jika tiada masalah ini, kemaslahatan dunia tidak akan bergerak dengan lancar dan akan hilang nikmat dan keselamatan di akhirat kelak. Contohnya, seorang individu perlu mempunyai harta untuk meneruskan kehidupan. Justeru, Allah SWT menurunkan syariat yang berkaitan dengan persoalan memiliki harta, menggunakan dan membelanjakannya.

Terdapat lima perkara penting yang terkandung di bawah kemaslahatan ini iaitu memelihara agama (aqidah), memelihara diri/jiwa, memelihara keturunan, memelihara akal dan memelihara harta. Contohnya, dalam bab memelihara agama, Allah SWT dan Nabi SAW memerintahkan umat Islam mempelajari Islam dan mengukuhkan akidah dan syariat seperti solat, puasa dan haji. Kemudian, Allah SWT menurunkan syariat untuk menjaganya seperti suruhan berdakwah dan berjihad.

Keduanya, *hajiyyat* iaitu kemaslahatan yang bersifat keperluan dan hajat manusia. Ia untuk menghilangkan kesulitan dan kesempitan yang boleh membawa kepada kesusahan hidup. Jika kemaslahatan ini tidak dapat dipenuhi ia boleh menyebabkan kesulitan dan kesusahan hidup. Contohnya, Rasulullah SAW melarang dari menjual sesuatu yang tidak jelas (*gharar*) seperti ikan di lautan dan burung di udara. Ini bertujuan menjamin kepentingan pembeli bagi mendapatkan haknya setelah membayar kepada penjual.

Bahagian yang ketiga adalah *tahsiniyyat* iaitu kemaslahatan dari aspek adat dan kesempurnaan akhlak. Jika hilang kemaslahatan tersebut, maka ia akan menyebabkan kehidupan menjadi buruk pada pandangan akal. Sebagai contoh, seorang individu yang telah mempunyai

⁶ "Sesungguhnya solat itu boleh mencegah daripada perbuatan keji dan mungkar." (al-Ankabut: 45)

⁷ "Wahai orang-orang yang beriman, diwajibkan ke atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan ke atas orang-orang yang sebelum kamu, semoga kamu (sentiasa) bertakwa." (al-Baqarah: 183)

⁸ "Dan dalam qisas itu ada (jaminan kelangsungan) kehidupan bagi kamu." (al-Baqarah: 179)

kereta dibenarkan untuk memiliki sebuah lagi kereta sekiranya mempunyai keperluan dan kemampuan. Pembahagian ini sengaja dijelaskan dan dipaparkan oleh para ulama untuk membantu umat Islam dalam menentukan prioriti dan keutamaan dalam melakukan ketaatan dalam hidup mereka

Maqasid Syariah Dalam Konteks Ekonomi

Secara umum, tugas kekhalifahan manusia adalah tanggungjawab untuk mewujudkan kemakmuran dan kesejahteraan dalam kehidupan⁹ serta tanggungjawab pengabdian atau ibadah dalam erti kata yang lebih luas.¹⁰ Untuk menunaikan tugas tersebut, Allah SWT memberi manusia dua anugerah nikmat utama, yaitu *manhaj al-hayat* “ sistem kehidupan “ dan *wasilah al-hayat* “ sarana kehidupan “.

Manhaj al-hayat adalah seluruh aturan kehidupan manusia yang bersumberkan kepada Al-Qur’an dan Sunnah Rasul. Aturan tersebut berbentuk keharusan melakukan sesuatu atau sebaiknya melakukan sesuatu, juga dalam bentuk larangan melakukan atau sebaliknya meninggalkan sesuatu. Aturan tersebut dikenal sebagai hukum lima, yakni wajib, sunnah, mubah, makruh, atau haram. Aturan-aturan tersebut diletakkan adalah untuk menjamin keselamatan manusia sepanjang hidupnya, baik yang berkaitan dengan keselamatan agama, keselamatan diri (jiwa dan raga), keselamatan akal, keselamatan harta benda, mahupun keselamatan nasab keturunan.

Pelaksanaan amal Islam harus sebagai satu cara hidup dan perlu dilakukan secara konsisten dalam semua kegiatan kehidupan. Pelaksanaan dan ketaatan ini akan melahirkan sebuah kehidupan yang baik yang disebut sebagai *hayatan thayyibah*.¹¹ Sebaliknya, menolak aturan itu atau sama sekali tidak memiliki keinginan mengaplikasikannya dalam kehidupan, akan melahirkan kekacauan dalam kehidupan sekarang, *ma’isyatan dhanka* atau kehidupan yang sempit, serta kecelakaan diakhirat nanti.¹²

Peraturan-peraturan ini juga diperlukan untuk memakmurkan *wasilah al-hayah* atau segala yang ada di bumi dan prasarana kehidupan yang diciptakan Allah SWT untuk kepentingan hidup manusia secara keseluruhannya. *Wasilah al-hayah* dapat diterjemahkan dalam bentuk udara, air, tumbuh-tumbuhan, haiwan ternak, dan harta benda lainnya yang berguna untuk kehidupan.¹³

Daripada keterangan diatas, Islam mempunyai pandangan yang jelas mengenai harta dan kegiatan ekonomi. Pandangan tersebut dapat dihuraikan seperti berikut:

- a. Pemilik mutlak terhadap segala sesuatu yang ada di muka bumi ini, termasuk harta benda hanyalah Allah SWT. Pemilikan oleh manusia hanya bersifat relative dan hanya sejajar untuk melaksanakan amanah menguruskan dan memanfaatkan sesuai dengan ketentuan yang ditetapkan Allah SWT.
- b. Status harta yang dimiliki manusia adalah sebagai berikut.
 - i. Harta sebagai amanah dari Allah SWT. Manusia hanyalah pemegang amanah karena memang tidak mampu mengadakan benda dari tiada. Dalam bahasa Einstein, manusia tidak mampu menciptakan energi ; yang mampu manusia

⁹ (Al-An’aam : 165)

¹⁰ (adz-Dzaariyaat : 56).

¹¹ (An-Nahl : 97).

¹² (Thaahaa : 124 – 126).

¹³ Al Baqarah : 29 “*Dialah Allah yang menjadikan segala yang ada di bumi untuk kamu dan Dia berkehendak (menciptakan) langit, lalu dijadikan-Nya tujuh langit. Dan, dia Maha Mengetahui segala sesuatu*

lakukan adalah mengubah dari satu bentuk energi ke bentuk energi lain. Pencipta awal segala energi adalah Allah SWT.

- ii. Harta sebagai perhiasan hidup yang memungkinkan manusia dapat menikmatinya dengan baik dan bukan dengan cara yang berlebih-lebihan. Manusia memiliki kecenderungan yang kuat untuk memiliki, menguasai, dan menikmati harta. Firman-Nya, *“Dijadikan indah pada (pandangan) manusia kecintaan kepada apa-apa yang diingini, yaitu : wanita-wanita, anak-anak, harta yang banyak dari jenis emas, perak, kuda pilihan, binatang-binatang ternak, dan sawah lading. Itulah kesenangan hidup di dunia dan disisi Allah-lah tempat kembali yang baik (surga).”* (Ali Imran : 14). Sebagai perhiasan hidup, harta sering menyebabkan keangkuhan, kesombongan, serta kebanggan diri¹⁴
 - iii. Harta sebagai ujian keimanan. Hal ini terutama menyangkut soal cara mendapatkan dan memanfaatkannya, apakah sesuai dengan ajaran Islam atau sebaliknya.¹⁵
 - iv. Harta sebagai bekal ibadah, iaitu untuk melaksanakan perintah-Nya dan melaksanakan muamalah di antara sesama manusia, melalui kegiatan zakat, infak dan sedekah.¹⁶
- c. Pemilikan harta dapat dilakukan antara lain melalui usaha (*a'mal*) atau mata pencarian (*ma'isyah*) yang halal dan sesuai dengan aturan-Nya. Banyak ayat Al-Qur'an dan hadits Nabi yang mendorong umat manusia bekerja mencari nafkah secara halal.
 - d. Dilarang mencari harta, berusaha, atau bekerja yang dapat melupakan kematian (At-Takaatur : 1 – 2), melupakan dzikrullah (tidak ingat kepada Allah dengan segala ketentuan-Nya) (Al-Munaafiqun ; 9), melupakan shalat dan zakat (an-Nuur ; 37), dan memutuskan kekayaan hanya pada sekelompok orang kaya saja (al-Hasyr : 7).
 - e. Dilarang menempuh usaha yang haram seperti melalui kegiatan riba (al-Baqarah : 273 – 281), perjudian, berjual beli barang yang dilarang atau haram (al-Maa'idah : 90-91), mencuri, merompak, curang dalam takaran dan timbangan (al-Muthaffifiin : 1 – 6) melalui cara-cara yang batil dan merugikan (al-Baqarah : 188), dan melalui suap-menyuap (HR Imam Ahmad).

Berdasarkan latar belakang yang telah dibincangkan seperti sebelumnya, maka perbincangan terhadap penilaian MEB dalam konteks maqasid syariah akan dilakukan untuk melihat sejauhmana pendekatan maqasid syariah telah diambil kira dalam merangka MEB sebagai usaha mencapai matlamat-matlamat utama melonjakkan ekonomi negara.

Perbincangan - Menilai Pelaksanaan MEB dalam Konteks Maqasid Syariah

Daripada penjelasan sebelumnya kita dapati tindakan Kerajaan dalam mengariskan semula MEB adalah suatu keputusan atau solusi yang dikira boleh menjadi penyelesaian terhadap masalah dan isu yang melanda ekonomi Malaysia kini. Dalam erti kata lain, prinsip-prinsip yang digariskan tersebut adalah hasil pemerhatian dan penelitian terhadap realiti-realiti sebenar ekonomi Negara. Justeru di dalam penulisan ini, output cuba untuk meletakkan maqasid syariah sebagai batu asas bagi membentuk sesuatu model ekonomi. Di dalam bahagian ini penilaian terhadap MEB

¹⁴ (Al-'Alaq : 6 – 7).


¹⁵ (Al-Anfaal : 28)

¹⁶ (At-Taubah : 41, 60 ; Ali Imran : 133-134).

terhadap elemen-elemen maqasid syariah akan dilakukan secara lebih terperinci dengan memberi fokus kepada tiga prinsip utama yang telah digariskan oleh kerajaan iaitu peningkatan pendapatan rakyat, kemapanan dan keterangkuman (inklusif).

Perbincangan ini bukanlah perbincangan yang asing sehingga ada yang mengaitkan Teori Maslow dengan Maqasid Syariah tetapi dengan pendekatan yang berbeza seperti dalam Rajah 2

Rajah 2: Aplikasi Prinsip Maqasid Syariah Keatas Teori Haeraki Maslow.



a. Analisis Maqasid Syariah Terhadap Peningkatan Pendapatan Rakyat

Di dalam MEB, matlamat untuk meningkatkan pendapatan rakyat telah dispesifikkan dengan pencapaian pendapatan tahunan per kapita sebanyak USD7,000 (RM22,806) kepada USD15,000 (RM48,870) dalam tempoh 10 tahun. MEB difahamkan akan memberi **tumpuan kepada aspek pembangunan manusia iaitu yang berkemahiran dan mengurangkan kemiskinan**. Namun begitu masih terdapat 40% pendapatan isirumah Malaysia adalah di bawah RM 1500 terutamanya bagi Sabah dan Sarawak. Idea ini telah dijadikan sebahagian daripada ekonomi negeri Selangor yang inginkan tingkat pendapatan minimum bagi garis kemiskinan dinaikkan kepada RM1500 seperti yang dibentangkan YAB Tan Sri Dato’ Abdul Khalid Bin Ibrahim Dato’ Menteri Besar Selangor pada Sidang Dewan Undangan Negeri Selangor bertempat Dewan Undangan Negeri Selangor Shah Alam pada 20 oktober 2008 (isnin)¹⁷

Jadual 1: KDNK Per Perkapita Negara Terpilih USD) Tahun 2008-2012

Negara	2008	2009	2010	2011	2012
Negara Maju					
US	43194	41328	42220	42468	42816
Japan	38216	39459	42783	45774	47960
Jerman	44492	40447	40274	44556	45619
Perancis	45623	42018	40704	44401	45468
UK	43652	35315	36164	39604	41289

¹⁷ Ucapan Pembentangan Bajet 2009 Negeri Selangor, Muka Surat: 12.

Negara Membangun Terpilih					
	30728	29621	31514	34393	37051
Hong Kong	19162	17110	20756	23749	25949
Korea	17372	16326	18558	21592	23300
Taiwan	3404	3789	4382	5184	5716
China	1081	1077	1371	1527	1646
India					
ASEAN					
Singapore	37971	36112	43117	50714	53072
Brunei	36223	26423	29675	36521	35743
Indonesia	2237	2327	2974	3469	3848
Malaysia	8088	6916	8417	9892	10609
Philippines	1919	1827	2123	2255	2376
Thailand	4300	4151	4992	5281	5365
Vietnam	1048	1068	1174	1362	1521

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Kementerian Kewangan Malaysia.

Dalam usaha Kerajaan melonjakkan status pendapatan Negara yang lebih tinggi, Majlis Penasihat Ekonomi Negara (MPEN) menjangka langkah pembaharuan yang berani akan menambahkan kegiatan pelaburan, mendorong produktiviti buruh dan meransang kecekapan, lalu menaikkan kadar pertumbuhan benar kepada purata 6.5% setahun dalam tempoh 2011-2020. Keluaran Negara kasar (KNK) perkapita juga dijangka meningkat sehingga AS17,700 menjelang 2020. Senario ini mengandaikan tidak akan berlaku sebarang krisis ekonomi yang besar di peringkat global yang boleh mengelincirkan ekonomi Malaysia keluar dari landasan pertumbuhan tersebut.¹⁸

Andaian ini dilihat terlalu optimis sehingga kita seolah-olah lupa akan firman Allah dalam Surah Yusuff ayat 46-48 yang mengenengahkan kitaran 7 hingga 8 tahun. Di mana mengikut kitaran ini kemungkinan berlaku kemerosotan ekonomi sehingga diminta menyimpan makanan bagi tempoh tersebut. Mengikut pengiraan biasa, kitaran 7 hingga 8 tahun tersebut jatuh pada 2015 atau tahun 2017-2018 dan mengikut beberapa pendapat kitaran tersebut adalah selang 10 tahun bermakna cabaran kemerosotan ekonomi yang besar mungkin akan berlaku pada tahun 2018 – 2020.

.....Kemudian sesudah itu akan datang tujuh tahun yang amat sulit,yang menghabiskan apa yang kamu simpan untuk menghadapinya (tahun sulit), kecuali sedikit dari (bibit gandum) yang kamu simpan. (Surah Yusuf :46 - 48)

Dalam pada itu Surah Yusuf ayat 46, 47 dan 48 menceritakan tentang sebuah kerajaan mahupun seorang manusia agar sentiasa beringat dan berjimat-cermat serta bersedia dengan segala persiapan untuk menghadapi sebarang bencana (kemerosotan ekonomi) supaya tidak

¹⁸ Ringkasan Ekskutif MEB, Majlis Penasihat Ekonomi Negara. Muka Surat 15

'huru-hara' di saat akhir atau semasa ekonomi merudum. Secara tidak lansung memberitahu kita bahawa perbelanjaan Negara seharusnya perlu lebih berhemat dan sebarang pembaziran perlulah dielakkan. Hal ini bersesuaian dengan firman Allah dalam Surah Al-Furqan : 65 yang bermaksud

“makan dan minumlah, dan janganlah berlebih-lebihan. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang berlebih-lebihan”

Merujuk kepada tafsir Ibn Kathir, firman Allah SWT *“Makan dan minumlah dan jangan berlebih-lebihan.”* sebenarnya merupakan tips kesihatan yang diberikan Allah SWT kepada manusia. Bermakna ayat ini tidak hanya tertakluk hanya kepada amalan makan dan minum sahaja. Tergolong juga di dalamnya manusia seharusnya mengambil jalan pertengahan (bersederhana) dalam membelanjakan harta. Membelanjakan harta perlu dilihat dengan skop yang lebih makro. Contohnya dalam konteks ekonomi Malaysia, konsep berjimat cermat seharusnya diamalkan dalam belanjawan Negara terutama jika berlaku pertembungan projek yang mendatangkan masalah yang lebih besar berbanding dengan projek yang kurang memberi keuntungan kepada rakyat.

b. Analisis Maqasid Syariah Terhadap Kemampanan

Pembangunan mampan ialah pembangunan yang dapat memenuhi keperluan pada masa sekarang tanpa menjejaskan keupayaan memenuhi keperluan pada masa depan. (Brundtland Report 1987). Pembangunan bandar yang mampan harus dijalankan dengan mengambil kira keupayaan menampungnya; pengambilan sumber, pengagihan bahan buangan serta kadar pencemaran yang dicituskan ke atas bandar dan kawasan sekelilingnya. (White & Whitney, 1992) Pembangunan bandar yang mampan perlulah mengambil kira keadilan sosial, keperluan manusia asas, kesihatan awam, kesedaran persekitaran dari segi ruang dan masa. Salah satu cara untuk mencapai pembangunan mampan tersebut adalah melalui kesihatan ekonomi bandar. Justeru itu, aktiviti ekonomi, peluang pekerjaan dan kemiskinan perlu diambil perhatian dan daripadanya peranan aktiviti informal serta perdagangan skala kecil (*petty commodity sector*) menjadi penting (David Drakakis-Smith, 1995)

Definisi ini dilihat bertepatan dengan prinsip kemampanan yang dimaksudkan oleh Kerajaan seperti yang dibentangkan di dalam MEB iaitu adalah untuk memenuhi keperluan semasa tanpa menjejaskan generasi akan datang. Keperluan yang dimaksudkan pula boleh dilihat dalam paradigma yang lebih luas. Antaranya ialah sistem sosial sekuriti melalui institusi-institusi berkaitan seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), zakat dan waqaf. Di dalam strategi yang digariskan dalam MEB peranan elemen-elemen ini tidak ditekankan. Senario ini mungkin boleh menjadi indikator yang menunjukkan keyakinan terhadap kemampuan elemen zakat dan waqaf sebagai penjamin kemampanan generasi masa depan tidak cukup kukuh.

Justeru makalah ini mencadangkan bahawa MEB juga sewajarnya memberi penekanan terhadap elemen selaku solusi dalam memastikan kemampanan generasi masa depan terjamin dari sudut kebajikannya. Sementara generasi masa depan yang dimaksudkan tidak harus disempitkan kepada golongan muda sahaja tetapi juga bagi warga emas yang juga menjadi sebahagian tanggungjawab pemerintah. KWSP umpamanya merupakan sebuah institusi yang bertanggungjawab menguruskan kutipan caruman bulanan dari pekerja dan majikan untuk memastikan kehidupan warga pekerja tidak terabai setelah bersara.

Sementara pemeraksanaan institusi zakat juga harus diberi penekanan. Hal ini merangkumi peranannya sebagai penstabil ekonomi melalui pungutan, agihan dan pelaburan zakat secara komprehensif. Diakui juga beberapa isu yang timbul tentang ketidakberkesanan agihan di beberapa lokaliti menyebabkan kredibiliti institusi ini diragui. Namun perlu diingatkan bahawa mungkin itulah sebenarnya kelemahan yang perlu diberi perhatian serius. Hal ini supaya zakat benar-benar boleh berfungsi sebagai penuetral ekonomi. Statistik yang dikeluarkan oleh Pusat Pungutan Zakat, MAIWP menunjukkan bilangan majoriti rakyat Malaysia adalah beragama Islam dan kewajipan keatas umat Islam untuk membayar zakat seharusnya boleh menjadi pemnagkin pelaksanaan kutipan dan agihan yang optimum.

Selain itu sistem wasiat juga dilihat antara perundangan Islam yang boleh menjamin kemampunan generasi masa akan datang dari sudut pengurusan harta selepas kematian. Wasiat bukan setakat merancang pembahagian harta pusaka kepada waris tertentu malah ia lebih daripada itu. Faraid menjaga hak waris manakala wasiat pula memberi hak dan ruang kepada bukan waris untuk turut menikmati harta, seperti anak atau ibu bapa angkat, ahli keluarga bukan Islam, cucu atau ahli keluarga yang tidak mendapat bahagian dalam Faraid ataupun untuk apa-apa tujuan kebajikan. Hukum menulis wasiat ke atas orang Islam adalah sunnat kerana terdapat hadith yang menyuruhnya serta perbuatan sahabat-sahabat besar yang hampir keseluruhannya meninggalkan wasiat. Ibn Umar meriwayatkan Rasullullah s.a.w bersabda bermaksud:

“Tidak wajar kepada seseorang Islam apabila terdapat sesuatu yang hendak ia wasiatkan maka ia tidur dari dua malam melainksn wasiatnya itu tertulis disisinya”.
(Riwayat Muttafaq Alaih).

Hal ini menunjukkan galakkan penulisan wasiat sememangnya menjadi amalan sejak zaman Nabi SAW. Tentunya galakkan ini tidak hadir setelah melihatkan kepada kepentingan dan keperluannya dalam memastikan kemampunan untuk generasi di masa akan datang. Kesimpulannya, strategi MEB harus merangkumi kemampunan yang menyeluruh termasuk jaminan tidak ditinggalkan dalam keadaan melarat dan terjaga kebajikannya sebagai generasi pewaris.

c. Analisis Maqasid Syariah Terhadap Keterangkuman (inklusif)

Membolehkan semua komuniti menikmati kekayaan Negara sepenuhnya. Di mana semua pihak akan menikmati hasil kemakmuran Negara yang semaiKn meningkat. Oleh sebab itu, **tidak ada seorang** pun akan terpinggir dalam menyumbang dan mengecapi hasil penjanaan kekayaan. Hal ini bermakan konsep penting yang perlu ada dalam usaha mencapai matlamat ini ialah konsep keadilan, kesakmaan dan persaudaraan. Banyak ayat Al-Qur’an yang menyerukan penggunaan kerangka kerja perekonomian Islam, diantaranya Surah Al-Baqarah: 60 dan Al-Maa’idah: 87 – 88 yang semua ayatnya merupakan penentuan dasar pemikiran dari pesan Al-Qur’an dalam bidang ekonomi. Dari ayat-ayat tersebut dapat difahami bahwa Islam mendorong penganutnya untuk menikmati kurniaan yang telah diberikan oleh Allah. Kurniaan tersebut harus disinergikan untuk meningkatkan pertumbuhan, baik dari sudut kebendaan dan juga bukan kebendaan.

Islam juga mendorong penganutnya berjuang untuk mendapatkan kebendaan atau harta dengan berbagai cara, asalkan mengikuti peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Antaranya:

Keadilan dan Persaudaraan Menyeluruh – 1 Tuhan

Kedatangan Islam bertujuan untuk membentuk masyarakat sosial yang solid. Dalam pembentukan itu, setiap individu diikat oleh persudaraan dan kasih sayang bagai satu keluarga. Sebuah persaudaraan yang universal dan tak diikat batas geografi. Keadilan dalam Islam memiliki implikasi sebagai berikut:

Keadilan Sosial

Islam menganggap umat manusia sebagai suatu keluarga. Oleh kerana itu, semua anggota keluarga ini mempunyai darjat yang sama di hadapan Allah. Hukum Allah tidak membezakan yang kaya dan yang miskin, demikian juga tidak membezakan yang hitam dan yang putih. Secara sosial, nilai yang membeakan satu dengan yang lain adalah ketakwaan, ketulusan hati, kemampuan dan muamalahnya dengan manusia.

Keadilan Ekonomi

Konsep persaudaraan dan perlakuan yang sama bagi setiap individu dalam masyarakat dan dihadapan hukum harus diimbangi oleh keadilan ekonomi. Tanpa keseimbangan tersebut, social akan kehilangan makna. Dengan keadilan ekonomi, setiap individu akan mendapatkan haknya sesuai dengan sumbangan masing-masing kepada masyarakat. Setiap individu pun harus terbebaskan dari eksploitasi individu lainnya. Islam dengan tegas melarang seorang muslim merugikan orang lain. Peringatan akan ketidakadilan dan eksploitasi ini dimaksudkan untuk melindungi hak-hak individu dalam masyarakat, juga untuk meningkatkan kesejahteraan umum sebagai tujuan utama Islam diturunkan.

Keadilan agihan Pendapatan

Ketaksaksamaan pendapatan dan kekayaan alam yang ada dalam masyarakat, berlawanan dengan komitmen Islam terhadap persaudaraan dan keadilan sosial ekonomi. Ketaksaksamaan harus diatasi dengan menggunakan cara yang ditekankan dan diajarkan Islam. Diantaranya adalah dengan cara-cara berikut:

Pertama dengan menghapuskan monopoli, kecuali oleh pemerintah, untuk bidang-bidang tertentu. Seterusnya menjamin hak dan kesempatan semua pihak untuk aktif dalam aktiviti ekonomi, baik dalam pengeluaran, pengagihan mahupun penggunaan. Menjamin *basic needs fulfillment* (pemenuhan keperluan asas) setiap anggota masyarakat serta melaksanakan *amanah at-takaaful al-ijtima' atau "social economic security insurance"* dimana yang mampu menanggung dan membantu yang tidak mampu. Dengan cara itu, kehidupan setiap individu akan lebih terjamin. Sisi manusiawi dan kehormatan setiap individu akan lebih terjaga sesuai dengan martabatnya iaitu sebagai khalifah Allah di muka bumi.

Kedua Islam membenarkan seorang untuk memiliki kekayaan lebih sesuai dengan fitrah dan keperluannya asalkan mesih berada di landasan syarak dan telah menunaikan kewajibannya bagi kesejahteraan masyarakat, baik dalam bentuk zakat maupun amal kebajikan lain seperti infak dan sedekah. Meskipun demikian, Islam sangat menganjurkan golongan yang kaya untuk tetap tawadhu dan tidak menunjuk-nunjuk. Jika seluruh ajaran Islam (termasuk pelaksanaan syariah serta norma keadilan) diterapkan, ketaksaksamaan kekayaan serta jurang pendapatan yang jauh tidak akan terjadi di dalam masyarakat.

Kebebasan Individu dalam Konteks Kesejahteraan Sosial

Kandungan terpenting dalam keyakinan seorang muslim adalah kepercayaan bahawa manusia diciptakan oleh Allah. Ia tidak tunduk kepada siapa pun kecuali kepada Allah¹⁹. Ini merupakan dasar bagi Piagam Kebebasan Islam dari segala bentuk perhambaan. Ekoran hal ini Al Qur'an tegas menyatakan bahawa tujuan utama dari tujuan kenabian Muhammad adalah untuk melepaskan manusia dari beban dan rantai yang membelenggu budaya perhambaan.²⁰

Konsep kebebasan dalam Islam amat jelas iaitu manusia dilahirkan merdeka. Oleh kerana itu tidak ada seorang pun bahkan Negara manapun yang berhak mencabulit kemerdekaan tersebut dan membuatkan hidup manusia terikat. Dalam konsep ini, setiap individu berhak menggunakan kemerdekaannya tersebut selagi berada dalam kerangka norma-norma islami. Dengan kata lain, sepanjang kebebasan tersebut dapat dipertanggungjawabkan, samada secara sosial mahupun dihadapan Allah. Kebebasan individu dalam kerangka etika Islam diakui selama tidak bertentangan dengan kepentingan sosial yang lebih besar atau sepanjang individu itu tidak melangkahi hak-hak orang lain.

Kesimpulan

Objektif utama kertas kerja ini ialah untuk mengaitkan dan menganalisa sejauhmana prinsip-prinsip utama di dalam Model Ekonomi Baru dapat memenuhi keperluan maqasid syariah. Perbincangan dijangka dapat menerbitkan satu pandangan yang dapat memberi idea tentang peranan maqasid syariah dalam menjadi panduan menentukan sesuatu dasar Negara. Selain itu ditegaskan bahawa termasuk dalam peranan pemerintah sebenarnya ialah menjaga kebajikan rakyat. Kebajikan itu pula terletak pada kesejahteraan iman, nyawa, akal (keintelektualan) keturunan dan harta yang umunya bersifat kebajikan di dunia dan akhirat. Oleh sebab pelaksanaan syariat adalah bagi menjamin kesejahteraan setiap manusia. Untuk itu model ekonomi Chapra (1998) juga harus diambilkira, yang memberi penekanan kepada menyediakan suasana yang boleh membantu pengamalan ajaran Islam melalui kerjasama, kasih sayang dan tolong menolong; menyediakan Sistem pendidikan yang boleh melahirkan generasi yang cintakan Islam; dan menguatkuasakan norma dan nilai Islam dan mengenakan hukuman bagi yang melanggarnya.

RUJUKAN

Tafsir Al Quran

Nik Mustapha Nik Hassan. (2012). Pendekatan Tamadun Kepada Model Ekonomi Baru Ekonomi.. IKIM. Kuala Lumpur.

Mustafa Omar Mohammad dan Syahidawati Shahwan. (2013). The Objective of Islamic Economic and Islamic Banking in Light of Maqasid Al-Shariah: A Critical Review

Hailani Muji Tahir. (2009). Maqasid Syariah dalam Pengurusan Ekonomi, Kewangan dan Pembangunan Negara. Kelantan

¹⁹ ar-Ra'd : 36 dan Luqman : 32).

²⁰ Al-A'raaf : 157).

Rosbi Abd Rahman dan Sanep Ahmad.. (2010). Pengukuran Keberkesanan Agihan Zakat: Perspektif Maqasid Syariah. Selangor

Dasar dan Amalan. Ekonomi Kebajikan,.Sutarhman Kastin . Selangor (2008)

Kementerian Kewangan (2007). *Laporan Tahunan*. Kuala Lumpur.

Kementerian Kewangan (2008). *Laporan Tahunan*. Kuala Lumpur.

Kementerian Kewangan (2009). *Laporan Tahunan*. Kuala Lumpur.

Kementerian Kewangan (2010). *Laporan Tahunan*. Kuala Lumpur.

Kementerian Kewangan (2011). *Laporan Tahunan*. Kuala Lumpur.

Kementerian Kewangan (2012). *Laporan Tahunan*. Kuala Lumpur.

Ringakasan Eksekutif MEB, (2010). Majlis Penasihat Ekonomi Negara.

Ucapan Pembentangan Bajet 2009 Negeri Selangor.